

Che Det & Pekan Rabu



595

1

8/11/2014
TDM
FOC

Che Det & Pekan Rabu



Diterbitkan

Pekan Rabu Holdings Sdn. Bhd. ^{457351 K}
(Anak Syarikat Koperasi Pekan Rabu Alor Setar Berhad)
7 & 8, Tingkat 2, Bangunan Pekan Rabu Fasa II,
Jalan Tunku Ibrahim,
05000 Alor Setar,
Kedah Darul Aman
Tel : 04 731 6442 Fax : 04 731 6233
© Pekan Rabu Holdings Sdn. Bhd. ^{457351 K}

Cetakan Pertama 2000

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Zahidi Dato' Haji Zainol Rashid. 1953-
Che Det & Pekan Rabu/Zahidi Dato' Haji Zainol Rashid

1. Mahathir bin Mohamad. Dato' Seri, 1925-.
2. Prime Ministers - Malaysia - Biography.
3. Malaysia - Politics and Government.
4. Leadership - Malaysia - Biography. I. Judul 923.595

Rekabentuk/Grafik

Zahir Haji Saleh
Perunding Rekabentuk Grafik/Penerbitan.
Pekan Rabu Holdings Sdn. Bhd.
7 & 8, Tingkat 2, Bangunan Pekan Rabu Fasa II,
Jalan Tunku Ibrahim,
05000 Alor Setar,
Kedah Darul Aman
Tel : 04 731 6442 Fax : 04 731 6233

Dicetak oleh

Zhulian Printing Industries Sdn. Bhd. ^{216788-X}
Plot 41 & 42, Bayan Lepas Industrial Estate,
Phase IV, 11900 Penang, Malaysia.
Tel: 604-6412020 (30 Lines)
Fax: 604-6413020 (12 Lines)

Che Det
Pekan Rabu



923.2595

che det & pekan rabu

Che Det Pekan Rabu

ZAHIDI DATO' ZAINOL RASHID

PEKAN RABU HOLDINGS SDN. BHD. ^{457351 K}

2000

PUSTAKA PERDANA



1013747





pekan rabu Jalan Tunku Ibrahim

Che Det
Pekan Rabu

Kandungan



1	Che Det & Pekan Rabu	2
2	Tanjung Chali Permulaan Tapak Perniagaan Orang Melayu	6
3	Pekan Rabu Di Jalan Tunku Ibrahim	8
4	Sejarah Bergambar Pekan Rabu	10
5	Nostalgia	16
6	Sireh Pulang Ke Gagang	20
7	Koperasi Pekan Rabu Alor Setar Berhad	24
8	Pekan Rabu Holdings Sdn. Bhd.	30
9	Warna Warna Pekan Rabu	34
10	Che Det Dalam Kreatif	40
11	Dokumentasi	52
12	Bibliografi	80



Che Det
Pekan Rabu

Buku ini diterbitkan sempena Karnival Beli Belah Pekan Rabu 2000 (5 Ogos - 5 September 2000) sebagai mengenang sumbangan, jasa-jasa dan keperihatinan Perdana Menteri yang kita kasihi Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada Pekan Rabu. Kompleks Pekan Rabu yang tersergam indah itu yang telah dirasmikan pembukaannya oleh Dato' Seri Dr. Mahathir pada 25 Februari 1978 merupakan lambang kemegahan bukan sahaja kepada peniaga-peniaga bumiputera di Kedah bahkan menjadi kebanggaan kepada seluruh masyarakat bumiputera di Malaysia. Apatah lagi Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir sendiri pernah berniaga di situ. Dr. Mahathir menulis buku 'Panduan Peniaga Kecil' berdasarkan pengalaman beliau berniaga di Pekan Rabu. Surin Suksuwan dalam rencana beliau bertajuk 'The PM Trail' dalam majalah VOX July 16, 2000 menyatakan amat menarik bagi kita menjejaki latarbelakang yang membentuk keperibadian dan pemikiran beliau sehingga dari seorang remaja yang berniaga di Pekan Rabu telah meningkat kepada penjual No. 1 Malaysia di arena antarabangsa. Hubungan Dr. Mahathir dan peniaga-peniaga Pekan Rabu amat dekat terutama bagi peniaga yang sama pernah berniaga dengan beliau yang masih ada di Pekan Rabu.

Tujuan ditulis buku ini ialah supaya rakyat Malaysia boleh mengasihi pemimpin mereka dengan lebih dekat lagi apabila mengetahui sejarah latarbelakang kehidupannya. Setakat sekarang tidak ada buku ditulis tentang Pekan Rabu dan kaitan Dr. Mahathir dengan Pekan Rabu. Inilah buku pertama ditulis dan diterbitkan oleh Koperasi Pekan Rabu. Amat menarik kita menjejaki latar belakang yang membentuk sikap pemikiran dan pandangan beliau.

Buku ini adalah untuk tatapan generasi sekarang. Difahamkan warga Pekan Rabu sekarang terdiri daripada generasi ketiga. Kalau disingkap sejarah Pekan Rabu ianya seiring dengan sejarah dan perkembangan bandar Alor Setar. Tuan Haji Ismail Salleh, Tokoh-Tokoh Sejarah Kedah menyatakan Pekan Rabu kini berusia



Prakata

100 tahun. Perniagaan awal Pekan Rabu di Tanjung Chali wujud sebelum Almarhum Tunku Yaakob mengasaskannya sebagai pasar minggu.

Untuk menghasilkan sebuah buku yang menceritakan pengalaman YAB Dato' Seri Dr. Mahathir berniaga pada zaman pemerintahan Jepun iaitu selama 19 bulan bukanlah satu kerja yang mudah tanpa kerjasama dan bantuan Koperasi Pekan Rabu. Saya menyanjung tinggi sokongan dan kerjasama yang diberi oleh Tuan Haji Azmi Shahab, Pengerusi Koperasi Pekan Rabu, Tuan Haji Jalaluddin Haji Mohd Noor yang memberi bantuan penuh dari segi bahan - bahan rujukan seperti minit -minit mesyuarat, laporan tahunan dan gambar-gambar. Juga pendekatan sejarah lisan dengan peniaga - peniaga dan tokoh-tokoh yang mengimbas kembali kenangan silam mereka bersama Dr. Mahathir.


Setinggi penghargaan kepada Puan Hajjah Mazizah Haji Md Darus, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah kerana memberi dorongan dan sokongan. Sebahagian daripada gambar rujukan dan gambar adalah daripada Koleksi Kedah, Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah. Juga ditujukan penghargaan kepada En. Mohd Zahari Saud, Penyelia Muzium Negeri Kedah dan Puan Nor Janatil Ibrahim, Pengarah Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah/Perlis.

Saya ucapkan terima kasih kepada orang perseorangan yang membantu menjayakan penerbitan buku ini. Mereka ialah Tun Muhammad Zahir Ismail, Dato' Ahmad Nordin Mohd Zain, Dato' Dr. Ahmad Othman, Dato' Haji Wan Shamsuddin Yusof, Tan Sri Azahari Taib, Tan Seri Haji Khalid Haji Abdullah dan Tuan Haji Ismail Saleh dan lain - lain secara langsung dan tidak langsung menjayakan penerbitan buku .

ZAHIDI DATO' HAJI ZAINOL RASHID
Ogos 2000



perasmian pekan rabu



Che Det Pekan Rabu

Pekan Rabu menjadi terkenal kerana ia adalah tempat Dato' Seri

Dr. Mahathir berniaga pada zaman pendudukan Jepun. Setiap rakyat Malaysia sudah tentunya berminat untuk mengetahui latar belakang yang membentuk keperibadian dan pemikiran Dr. Mahathir. Beliau telah menghasilkan sebuah buku bertajuk 'Panduan Perniagaan Kecil' berdasarkan pengalaman ketika berniaga di Pekan Rabu dan juga sebagai seorang doktor yang membuka klinik persendirian.



Che Det adalah nama timangan bagi Dr. Mahathir. Ia adalah singkatan kepada Encik atau Cik Mahathir. Ia adalah lambang kasih sayang dari keluarga. Nama Che Det dikenali sehingga sekarang dikalangan yang rapat dengan beliau di Kedah. Mahathir menggunakan nama timang-timangannya iaitu "CHE DET" sebagai nama pena beliau dalam bidang penulisan. Ketika masih belajar beliau telah menulis rencana-rencana politik dan dihantar kepada akhbar Bahasa Inggeris iaitu Straits Times dan Sunday Times pada ketika itu.



Dr. Mahathir mempunyai hubungan yang istimewa dengan Pekan Rabu. Setiap kali kunjungan beliau ke Kedah ianya tidak akan lengkap kalau tidak singgah di Pekan Rabu. Dr. Mahathir akan berkunjung ke Pekan Rabu pada setiap kali bulan Ramadhan. Kisah Dr. Mahathir berniaga di Pekan Rabu tidak hilang dari ingatan peniaga-peniaga yang masih berniaga di situ. Sesudah lebih 50 tahun telah berlalu remaja yang menjual buah dan kraftangan kini adalah penjual terbesar Malaysia diperingkat antarabangsa.

Pekan Rabu kini tidak sahaja dibuka pada hari Rabu tetapi dibuka pada setiap hari. Dari permulaan sebagai pasar minggu yang berbumbung atap Pekan Rabu kini telah berkembang kepada kompleks perniagaan



lawatan ke pekan rabu

Che Det
Pekan Rabu



bertingkat.

Dr. Mahathir sentiasa mengambil berat terhadap Pekan Rabu dan perniagaannya. Adalah menjadi harapan Dr. Mahathir untuk menjadikan perniagaan di Pekan Rabu sebagai satu model usahaniaga orang Melayu agar menjalankan perniagaan setanding dengan pihak lain. Pada tahun 1994 Dr. Mahathir telah menganjurkan lawatan peniaga - peniaga Pekan Rabu ke kompleks - kompleks perniagaan dan kilang 'packing' di Kuala Lumpur. Ahli - ahli rombongan tinggal selama seminggu di Kuala Lumpur. Kos makan minum dan penginapan dibiayai oleh beliau. Tujuan beliau adalah untuk mendedahkan peniaga - peniaga Pekan Rabu dengan perniagaan moden.



Dr. Mahathir sendiri merasmikan bangunan Pekan Rabu pada 25 Februari 1978. Beliau pada masa itu adalah Timbalan Perdana Menteri. Bangunan Pekan Rabu sejak itu berkembang dengan pesat dengan pembinaan Fasa II Pekan Rabu yang menelan belanja RM 2.1 juta. Bangunan yang dibiayai oleh Bank Rakyat dan Koperasi sendiri pada bulan Februari 1990.

Pada tahun 1995 Dr. Mahathir telah memperuntuk RM 6.5 juta untuk mengubahsuai Pekan Rabu melalui Kerajaan Negeri. Tujuan pengubahsuaian bangunan Pekan Rabu ialah supaya peniaga bersaing dalam perniagaan zaman moden. Untuk mengubahsuaikan bangunan peniaga-peniaga perlu dipindahkan. Kerajaan Negeri pada waktu itu merancang memindahkan peniaga-peniaga ke tanah lapang di Kompleks Alor Setar atau tapak pesta. Rancangan ini tidak dipersetujui oleh kebanyakan peniaga. Dengan pertolongan Dr. Mahathir rancangan perpindahan ini dibatalkan dan peniaga-peniaga amat gembira kerana mereka dipindahkan di kawasan yang berdekatan iaitu dihadapan panggung Empire dan di tapak letak kereta Bank Bumiputra. Bangunan yang telah diubahsuai itu siap pada 16 September 1996.



Pekan Rabu terkenal dan menjadi tumpuan pelancong-pelancong kerana sistem perniagaan ala bazarnya dengan menjual pelbagai barang keperluan harian daripada kain baju, kuih-muih tradisional seperti dodol, kuih karas dan lain-lain. Produk Pekan Rabu sudah mula masuk ke pasaran Malaysia melalui Pesta Malaysia. Kuih-kuih Pekan Rabu laris dijual. Begitu juga kuih-kuih dari Pekan Rabu yang dijual di airport dibeli oleh pelancong dari luar negeri.



5 suasana awal pekan rabu Tanjung Chali

Che Det
Pekan Rabu



suasana awal pekan rabu



Tanjung Chali Permulaan Tapak Perniagaan Orang Melayu

Sejarah awal Pekan Rabu bermula di Tanjung Chali hasil kesedaran seorang Putera Diraja Kedah YTM Tunku Yaacob tentang kemunduran orang Melayu dalam perniagaan. Beliau menubuhkan Pekan Minggu untuk membuka tempat untuk petani dan peladang memasar dan menjual hasil keluaran mereka. Pada awal April 1930 beliau telah mengasaskan pasar mingguan disitu pada setiap hari Rabu. Sempena hari kelahiran Tunku Yaacob pada hari Rabu maka pasar minggu itu dinamakan Pekan Rabu yang khususnya dibuka pada tiap-tiap hari Rabu Sahaja.

Tanjung Chali terletak di persimpangan antara Jalan Pekan China dan Jalan Pengkalan Kapal di bandar Alor Setar dan pernah menjadi medan untuk Petani dari daerah pedalaman di sekitar bandar itu memasarkan hasil pertanian. Tanjung Chali

juga merupakan sebuah pengkalan atau pelabuhan bagi persinggahan kapal-kapal, perahu-perahu dan tongkang-tongkang yang keluar masuk dari luar dan dalam negeri melalui Sungai Kedah, Sungai Anak Bukit, Terusan Wan Mohomad Saman dan Sungai Raja. Kapal-kapal atau perahu yang keluar masuk itu singgah disitu untuk memunggah barang-barang dagangan.

Pekan Rabu di Tanjung Chali pada peringkat awalnya merupakan bangunan terbuka yang panjang berbumbung atap, berlantakan simen dan bertiang kayu. Terdapat berbagai-bagai jenis tanaman kampung yang dijual di Pekan Rabu diantaranya ialah berbagai jenis ulam-ulaman, daripada daun-daun atau pucuk kayu, ubi, umbut dan buah-buahan. Perusahaan tangan orang-orang Melayu yang dibuat atau dianyam daripada mengkuang seperti tudung, bakul dan lain-lain juga dipasarkan. Kain baju dan ubat-ubatan Melayu seperti minyak angin, maajun dan lain-lain juga ada dijual dipasar tersebut. Pekan Rabu kemudiannya terpaksa dipindahkan oleh kerajaan ke tapak barunya yang ada sekarang di Jalan Tunku Ibrahim atas alasan tapak asalnya amat sempit dan disitu akan dibina bangunan untuk Jabatan Kastam.





suasana pekan rabu awal



peniaga terdiri daripada orang Melayu



ditutup pada hari jumaat sahaja

pekan rabu di jalan tunku ibrahim

Pekan Rabu Di Jalan Tunku Ibrahim

Pekan Rabu di Jalan Tunku Ibrahim telah didirikan pada tahun 1932 di atas tapak seluas 39,400 kaki persegi. Ia mengandungi 3 bangunan berbentuk gedung yang berlantaikan batu, bumbung zink dan tiang kayu. Di atas lantai simen itulah tempat peniaga-peniaga menjalankan perniagaan masing-masing.

Perpindahan ke kawasan baru di Jalan Tunku Ibrahim merupakan satu kemajuan pada jangka panjang bagi perkembangan perniagaan orang Melayu di bandar Alor setar. Kedudukannya di tengah-tengah pusat bandar memudahkan lagi pelanggan datang membeli barang-barang dari kampung yang dijual di Pekan Rabu.

Selepas perang dunia ke 2 sikap peniaga-peniaga Melayu di Pekan Rabu berubah. Pekan Rabu yang berasal daripada pekan harian di mana peniaga-peniaga hanya berniaga pada hari Rabu sahaja telah berubah menjadi perniagaan yang dijalankan pada tiap-tiap hari kecuali hari Jumaat sahaja ditutup. Langkah ini bertujuan untuk menampung pendapatan harian bagi peniaga-peniaga kecil.


Sebuah bangunan selain daripada Pekan Rabu juga dibina dan siap pada 18 April 1949. Bangunan ini dinamakan 'Pasar Yaacob'. Ini menunjukkan ramai orang Melayu berminat dan mencebur diri dalam bidang perniagaan. Bangunan Kompleks Pekan Rabu adalah lambang kejayaan bukan sahaja kepada peniaga-peniaga bumiputera di Kedah bahkan menjadi kebanggaan kepada seluruh masyarakat bumiputera di negeri itu.



1 Tanjung Chali Alor Setar pada tahun 1920an merupakan sebuah pelabuhan terpenting di Alor Setar kerana kedudukannya yang strategik dan juga merupakan tempat untuk petani petani ari pendalaman memasarkan hasil mereka.



3 Bekas tapak bangunan Pekan Rabu Tanjung Chali yang diberi notis pindah oleh kerajaan Kedah 1932. Sekarang tapak ini merupakan Pejabat Kastam Tanjung Chali.



6 Bagunan Pekan Rabu di Jalan Tunku Ibrahim yang didirikan pada 1932 sebelum didirikan Kompleks Pekan Rabu sekarang.



2 Para peniaga Pekan Rabu Tanjung Chali bergambar beramai ramai di depan bangunan Pekan Rabu Tanjung Chali, Pengkalan Kapal pada tahun 1930an. (sekarang tapak tersebut ialah bangunan Pejabat Kastam Tanjung Chali).



4 Suasana perniagaan di Pekan Rabu Tanjung Chali 1930an sebelum berpindah ke tapak baru di Jalan Tunku Ibrahim.



7 Bangunan Pekan Rabu Jalan Tunku Ibrahim dalam tahun 1964

gambar bersejarah pekan rabu - ehsan daripada Perbadanan Muzium Negeri Kedah Darul Aman.



5

YTM Tunku Yaakob Sultan Abdul Hamid Halim Shah merupakan orang yang bertanggungjawab menubuhkan Pasar Mingguan (Pekan Sehari) bagi melahirkan peniaga peniaga kecil Melayu menceburi bidang perniagaan.

Sejarah Bergambar Pekan Rabu





457351 K
Pekan Rabu Holdings Sdn. Bhd.

(Anak Syarikat Koperasi Pekan Rabu Alor Setar Berhad)

7 & 8, Tingkat 2, Bangunan Pekan Rabu Fasa II, Jalan Tunku Ibrahim, 057200 Alor Setar, Kedah Darul Aman.
Tel : 04 731 6442 Fax : 04 731 6233